



23 September 2015
23 September 2015
P.U. (A) 218

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH KASTAM
(DUTI ANTI-LAMBAKAN SEMENTARA) 2015

*CUSTOMS (PROVISIONAL ANTI-DUMPING DUTIES)
ORDER 2015*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993 DAN AKTA KASTAM 1967

PERINTAH KASTAM (DUTI ANTI-LAMBAKAN SEMENTARA) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 24 Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 [*Akta 504*] dan subseksyen 11(1) Akta Kastam 1967 [*Akta 235*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan Sementara) 2015**.

(2) Perintah ini berkuat kuasa bagi tempoh mulai 26 September 2015 hingga 23 Januari 2016.

Duti anti-lambakan sementara

2. Duti anti-lambakan sementara hendaklah dilevi dan dibayar oleh pengimport berkenaan dengan barang-barang yang dinyatakan dalam ruang (2) dan (3) Jadual yang dieksport dari negara yang dinyatakan dalam ruang (4) ke dalam Malaysia oleh pengeksport atau pengeluar yang dinyatakan dalam ruang (5) pada kadar yang dinyatakan dalam ruang (6).

Cagaran

3. Duti anti-lambakan sementara yang dilevi di bawah Perintah ini hendaklah dijamin oleh suatu cagaran yang sama amaunnya dengan amaun duti yang dilevi.

Penjenisan barang-barang

4. (1) Penjenisan barang-barang yang dinyatakan dalam Jadual hendaklah mematuhi Rukun-Rukun Tafsiran dalam Perintah Duti Kastam 2012 [*P.U. (A) 275/2012*].

(2) Nombor kepala atau subkepala yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual diperuntukkan bagi kemudahan rujukan dan tidak mempunyai kesan mengikat terhadap penjenisan barang-barang yang diperihalkan dalam ruang (3).

Kesan terhadap duti import dan cukai barang dan perkhidmatan

5. Pengenaan duti anti-lambakan sementara di bawah Perintah ini tidaklah menjejaskan pengenaan dan pemungutan—

(a) duti import di bawah Akta Kastam 1967; dan

(b) cukai barang dan perkhidmatan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [*Akta 762*].

JADUAL

[Perenggan 2]

DUTI ANTI-LAMBAKAN SEMENTARA

(1) No.	(2) <i>Nombor Kepala/ Subkepala mengikut Kod H.S. (Kod AHTN)</i>	(3) <i>Perihal Barang-Barang</i>	(4) <i>Negara</i>	(5) <i>Pengeksport/ Pengeluar</i>	(6) <i>Kadar Duti (Peratusan (%) daripada Nilai Kos, Insurans dan Tambang (KIT))</i>
	7210.70 210, 7210.70 290, 7210.70 900 (7210.70.10 00, 7210.70.90 20, 7210.70.90 90)	Gegelung keluli yang dipracat, dicat atau disalut warna	Republik Rakyat China	Semua pengeluar/ pengekspert	52.10%
			Republik Sosialis Viet Nam	Maruichi Sun Steel Joint Stock Company	16.45%
				Nam Kim Steel Joint Stock Company	5.68%
				NS Bluescope Vietnam Limited	10.83%
				Lain-lain	16.45%

Dibuat 23 September 2015

[SULIT KE.HT(96)669/12-249 Klt.7 SK.4; PN(PU2)529/XIX]

DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Menteri Kewangan Kedua

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 11(2) Akta Kastam 1967]

COUNTERVAILING AND ANTI-DUMPING DUTIES ACT 1993 AND CUSTOMS ACT 1967
CUSTOMS (PROVISIONAL ANTI-DUMPING DUTIES) ORDER 2015

IN exercise of the powers conferred by section 24 of the Countervailing and Anti-Dumping Duties Act 1993 [*Act 504*] and subsection 11(1) of the Customs Act 1967 [*Act 235*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Customs (Provisional Anti-Dumping Duties) Order 2015**.

(2) This Order has effect for the period from 26 September 2015 to 23 January 2016.

Provisional anti-dumping duties

2. Provisional anti-dumping duties shall be levied on and paid by the importers in respect of the goods specified in columns (2) and (3) of the Schedule exported from the countries specified in column (4) into Malaysia by the exporters or producers specified in column (5) at the rates specified in column (6).

Security

3. The provisional anti-dumping duties levied under this Order shall be guaranteed by a security which amount is equal to the amount of duties levied.

Classification of goods

4. (1) The classification of goods specified in the Schedule shall comply with the Rules of Interpretation in the Customs Duties Order 2012 [*P.U. (A) 275/2012*].

(2) The heading or subheading numbers specified in column (2) of the Schedule are provided for ease of reference and have no binding effect on the classification of goods described in column (3).

Effect on import duties and goods and services tax

5. The imposition of provisional anti-dumping duties under this Order is without prejudice to the imposition and collection of—

(a) import duties under the Customs Act 1967; and

(b) goods and services tax under the Goods and Services Tax Act 2014 [Act 762].

SCHEDULE

[Paragraph 2]

PROVISIONAL ANTI-DUMPING DUTIES

(1) No.	(2) Heading/ Subheading Numbers according to H.S. Code (AHTN Code)	(3) Description of Goods	(4) Countries	(5) Exporters/Producers	(6) Rate of Duties (Percentage (%) of the Cost, Insurance and Freight (CIF) Value)
	7210.70 210, 7210.70 290, 7210.70 900 (7210.70.10 00, 7210.70.90 20, 7210.70.90 90)	Prepainted, painted or colour coated steel coils	People's Republic of China	All producers/ exporters	52.10%
			Socialist Republic of Viet Nam	Maruichi Sun Steel Joint Stock Company	16.45%
				Nam Kim Steel Joint Stock Company	5.68%
				NS Bluescope Vietnam Limited	10.83%
				Others	16.45%

Made 23 September 2015

[SULIT KE.HT(96)669/12-249 Klt.7 SK.4; PN(PU2)529/XIX]

DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Second Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 11(2) of the Customs Act 1967]